

## ORIGINAL ARTICLE

## THE CONSTITUTIONAL AND PAHANG MALAY MUSLIM GENDER WISDOM IN ACEH: AN ANALYSIS

Ahmad Farid Abd Jalal<sup>1</sup>, Rahimin Affandi Abdul Rahim<sup>2\*</sup>, Mohamad Hilmi Mad Said<sup>3</sup>, Muhammad Jumaidy Abdul Manap<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>3</sup> Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

<sup>4</sup> Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang, Malaysia.

**ABSTRACT** – This study examines the constitutional wisdom and gender of Malay Muslims in Pahang which was detected in Aceh. The influence of these two aspects of wisdom existed in the historical tradition of Aceh. This study will utilize historical facts from primary and secondary sources in the areas that it touched on. To demonstrate, there are some prominent key factors that are worth mentioning. Firstly, the relationship between Aceh and Pahang began with familial ties which later led to intellectual ties based on religion. Secondly, there was the influence of Aceh scholars, namely Nurudin Al-Raniri and Hamzah Al-Fansuri in Pahang. The said influence involved the field of Malay Islamic Constitution. Thirdly, the wisdom of the Malay Muslim gender grew from the prominence of Puteri Kamelia in Aceh. The impact of this wisdom can be seen until now, in Acehnese culture.

### ARTICLE HISTORY

Received: 24<sup>th</sup> Feb. 2022

Revised: 24<sup>th</sup> Mar. 2022

Accepted: 12<sup>th</sup> May 2022

### KEYWORDS

*Local Wisdom,  
Nationalism,  
Gender,  
Nurudin Al-Raniri,  
Princess of Kamelia*

## KEARIFAN KETATANEGARAAN DAN GENDER MELAYU ISLAM PAHANG DI ACEH: SATU ANALISA

**ABSTRAK** - Kajian ini mengkaji kearifan ketatanegaraan dan gender Melayu Islam Pahang yang dikesan penggunaannya di Aceh. Pengaruh kedua aspek kearifan ini memang wujud dalam sejarah tradisi Aceh. Ia bakal menggunakan kaedah pensejarahan daripada sumber primer dan sekondari dalam bidang yang dikaji. Hasilnya, terdapat beberapa fakta utama. Pertama, hubungan antara Aceh dan Pahang bermula dengan hubungan kekeluargaan yang kemudiannya turut membawa kepada hubungan intelektual berdasarkan keagamaan. Kedua, terdapat pengaruh pemikiran ulama Aceh iaitu Nurudin Al-Raniri dan Hamzah Al-Fansuri di Pahang. Ia membabitkan bidang Ketatanegaraan Melayu Islam. Ketiga, meluasnya kearifan jantina Melayu Islam yang berpunca daripada ketokohan Puteri Kamelia di Aceh. Ianya kekal hingga pada zaman moden menjadi budaya masyarakat Aceh.

### KATA KUNCI

*Kearifan Tempatan,  
Ketatanegaraan,  
Jantina,  
Nurudin Al-Raniri,  
Puteri Kamelia*

### PENGENALAN

Institut masjid dianggap penting dalam pembangunan agama Islam, masyarakat dan negara. Peranannya turut merangkumi markas perbincangan pendidikan, pentadbiran, politik, sosial dan sebagainya. Pelbagai kemaslahatan dan kepentingan umat Islam bermula di sini, lantaran terlalu besar peranan yang dimainkan olehnya. Oleh itu, pengurusan masjid yang mantap dapat mengimarahkan lagi pelbagai aktiviti di masjid dalam usaha menghidupkan kesedaran dan penghayatan Islam yang sebenar kepada masyarakat (Norita Kamarudin, 2019). Walaubagaimana pun, secara ironinya masih lagi terdapat stereotaip bahawa pengurusan masjid masih lagi dilaksanakan secara tradisional tanpa melakukan sebarang pindaan atau perubahan. Antara isu yang tidak berkesudahan dan telah berlarutan sehingga kini adalah kebanyakan peranan masjid telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah sahaja (Roslan Mohammed, 2008). Sementara fungsi-fungsi utama masjid sebagai pusat ekonomi, sosial dan pendidikan diambil alih oleh pelbagai agensi lain. Untuk mengembalikan peranan asal masjid, institusi ini seharusnya diberi nafas yang baru agar institusi ini dapat berperanan sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat, pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak serta nadi ekonomi masyarakat setempat (Nor Azlina. et.al, 2017). Hasrat yang dinyatakan ini adalah selari dengan objektif rancangan takmir masjid iaitu mengimarahkan masjid dengan pengisian ilmu, solat berjemaah dan menjadikannya sebagai pusat pendidikan pembangunan masyarakat yang seimbang (Syuhadak, 2007). Dalam memenuhi objektif ini, pengajuran pelbagai program dan aktiviti pengimarahsan masjid masa kini seharusnya menepati dengan aspirasi dan citra pembangunan masyarakat Islam kontemporari. Untuk itu, program pengimarahsan masjid yang dilaksanakan seharusnya dapat dinilai secara menyeluruh agar elemen-elemen keberkesanannya dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Elemen-elemen keberkesanannya yang dikenal pasti pulak dapat

dijadikan sebagai model yang komprehensif dalam memperkasakan program pengimaranan masjid di era kontemporari ini. Kajian ini akan melihat kearifan ketatanegaraan dan gender Melayu Islam Pahang yang dikenal pasti pelaksanaannya di Aceh. Apa yang dibanggakan, pengaruh pemikiran Melayu Pahang dapat dikesan penggunaannya dalam kearifan ketatanegaraan dan gender di Aceh. Lebih bermakna lagi, kerana Aceh adalah kuasa besar di Alam Melayu suatu masa dahulu. Dalam sejarah mencatatkan bagaimana bahawa kitab ilmu Islam milik sarjana Aceh telah disebarluaskan ke seluruh jajahan empayar Aceh. Jadi, sedikit sebanyak idealisme Melayu milik Pahang turut tersebar.

## SENARIO ASAS HUBUNGAN PAHANG DAN ACEH

Dalam catatan sejarah menunjukkan Pahang berada di bawah kekuasaan dan taklukan Aceh setelah selepas menyerang negeri Johor pada tahun 1618 (Zakaria Ahmad, 1972). Asas hubungan ini dibuat secara diplomasi yang merujuk kepada strategi *Politik Membesan* yang diamalkan oleh Aceh (M. Dien Madjid, 2012) yang diamalkan oleh kerajaan Aceh dengan penuh hikmah dalam membentuk kekeluargaan dan berdasarkan semangat persaudaraan Islam. Apa yang dilakukan melalui strategi ini ialah Aceh berusaha menyatukan pihak istana dari Pahang, Kedah, dan Perak menerusi perkahwinan bertujuan merapatkan persaudaraan Islam dengan keluarga diraja negeri-negeri Melayu. Bukan hanya hubungan terjalin, malah taktik ini juga bakal meraih simpati dan sokongan daripada masyarakat awam yang sememangnya bergantung kepada keluarga diraja terbabit.

Pemerintah Aceh dalam paparan sarjana barat digambarkan sebagai kerajaan yang ganas dan suka membunuh orang barat yang berbeza agama (Snouck Hurgronje, 1985). Dicatatkan oleh sejarawan Portugis bagaimana pemerintah Aceh enggan berhubung dengan baik apabila berhadapan dengan rombongan pedagang Portugis. Catatan sejarah Portugis menerangkan bahawa pihak Portugis beberapa kali cuba untuk mengelakkan perperangan secara baik, kerana matlamat mereka adalah untuk menjalankan perdagangan dengan kerajaan lain di Alam Melayu.

Barat juga menggambarkan secara berlebihan berkenaan kehebatan tentera Portugis berbanding dengan tentera Aceh. Kerajaan Aceh dikatakan berusaha memonopoli sumber rempah di Alam Melayu dengan menyerang dan memusnahkan ladang lada hitam di kawasan lain. Aceh juga dikatakan suka menyerang kawasan lain untuk memperluaskan kuasa dan diikuti dengan dasar membawa balik tawanan perang ke Aceh untuk dijadikan hamba dan gundik (William Gervase Clarence Smith, 2007). Hamba-hamba ini dikatakan dizalimi oleh masyarakat Aceh. Masyarakat Aceh dikatakan mempunyai ramai hamba dan gundik untuk kepentingan pembesar Aceh (Ingrid Saroda Mitrasing, 2011). Sarjana barat juga melalui catatan pengembara asing telah menggambarkan Aceh mengamalkan sistem undang-undang Hudud yang sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan (Jajat Burhanudin, 2014).

Sekiranya Aceh tidak mengambil langkah proaktif ini, besar kemungkinan masyarakat Alam Melayu akan menganggap perkembangan agama Kristian sebagai perkara biasa. Lebih penting lagi penjajah Portugis dicatatkan dalam sejarah sebagai bangsa yang suka menggunakan kaedah kekerasan terhadap masyarakat Islam. Selain itu, mereka juga kerap menggunakan kaedah tipu muslihat dalam penyebaran agama Kristian. Hasil usaha Aceh ini memang terbukti berjaya menghalang perkembangan agama Kristian dan mengekalkan dominasi Islam di Alam Melayu (Charles Tisdall, 1916).

Apa yang uniknya, Aceh telah mengambil tawanan perang daripada jajahan takluknya termasuk Pahang. Tahanan ini terdiri daripada masyarakat awam, cerdik pandai dan terpenting sekali Putera Bongsu dan Puteri Kamelia dari Pahang. Bertentangan dengan dakwaan sarjana barat bahawa tawanan perang ini dijadikan hamba oleh masyarakat Aceh, sebaliknya potensi intelektual yang dimiliki oleh tawanan perang ini telah dipergunakan sepenuhnya oleh kerajaan Aceh. Ternyata kedua tokoh Melayu Pahang ini telah memberikan impak kepada kearifan ketatanegaraan Melayu Islam di Aceh.

Keduanya dikesan telah menjadi tokoh utama yang mencirikan sistem pemerintahan Islam di Aceh. Diperakui bahawa ilmu ketatanegaraan Islam Aceh sebagai milik ekslusif individu Pahang. Ini kerana memang menjadi sifat keilmuan Islam bahawa ilmu sebagai milik Allah untuk kepentingan manusia. Ia jauh berbeza dengan konsep harta intelek yang menuntut ianya menjadi hak milik individu tertentu. Hasilnya setiap individu atau organisasi yang mempergunakan ilmu terbabit perlu membayar harga tertentu kepada pemegang hak cipta di atas manfaat yang diperolehi.

## HUBUNGAN PAHANG-ACEH DALAM SOAL KEAGAMAAN

Hubungan Pahang-Aceh tidak terhenti di peringkat ketenteraan semata-mata. Keluarga Diraja Pahang ketika itu telah di tawan dan dibawa ke Aceh untuk membentuk masyarakat Aceh (Misri A. Muchsin, 2007). Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Muda dan diganti oleh manantunya yang berasal dari Pahang iaitu Sultan Iskandar Thani hubungan Aceh dengan Tanah Melayu lebih berbentuk diplomatik bukan ketenteraan. Ini adalah kerana keperibadian Sultan Iskandar Tsani wara' dan lebih cenderung menitik beratkan pendidikan Islam (Muliadi Kurdi, 2009).

Walau bagaimanapun keadaan tersebut tidak menunjukkan hubungan Pahang dengan Aceh hanya sekadar hubungan politik sahaja bahkan ia telah membentuk satu jaringan intelektual antara ulama' di Pahang dan Aceh. Buktinya adalah kehadiran Hamzah al-Fansuri dan al-Raniri. Kerana itulah dapat dikemukakan teori wujudnya hubungan intelektual antara Pahang dan Aceh. Pahang juga sering dijadikan tempat selamat untuk ulama Melayu menyembunyikan ahli keluarga mereka apabila terdesak. Contohnya, keluarga Abdul Samad Palembani dan Sheikh Daud Pattani telah disembunyikan di Basrah Pahang.

Sayugia dimaklumi bahawa sesuatu pemikiran boleh berasal daripada budaya dan tempat lain yang mempengaruhi masyarakat lokasi lain. Dalam proses ini, walaupun mungkin berlaku sedikit perbezaan tetapi idea asasnya tetap sama. Hal ini ditegaskan oleh Edward Said dengan teori perjalanan ideanya. Ia menegaskan bahawa ; "Like people and schools of criticism, ideas and theories travel from person to person, from situation to situation, from one period to

*another*,”(Edward Said, 1983) Contohnya, institusi raja Melayu telah mendapat sentuhan pengaruh Islam Arab, India dan Parsi yang terbukti dengan pelbagai nama gelaran yang berbeza tetapi idea asasnya tetap sama iaitu raja sebagai lambang ataupun wakil Allah di muka bumi. Maknanya kelangsungan kedaulatan Islam bergantung sepenuhnya kepada kuasa dan pengaruh raja Melayu Islam. Hal yang sama terjadi dalam konteks idealisme Melayu pahang, di mana iaanya telah tersebar secara tidak langsung di Aceh.

## DAKWAH AL-RANIRI DAN HAMZAH AL-FANSURI DI PAHANG

Al-Raniri seorang yang tinggi ilmunya dan kuat dakwahnya telah datang ke Pahang. Beliau pada mulanya telah datang ke Aceh sebelum tahun 1637, ketika mana Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Namun kedatangannya tidak mendapat sambutan dari pihak istana pada zaman Sultan Iskandar Muda, beliau meneruskan perjalanan dan menetap di Pahang (Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli, 2012). Ketika beliau di Pahang, ia terlibat sebagai pendakwah dan menyerlahkan diri sebagai ilmuwan hingga menjadi sasaran masyarakat pahang pada masa itu. Keadaan ini telah membuatkan perkembangan Islam di Pahang menjadi lebih kukuh.

Begitu juga halnya kedatangan Hamzah al-Fansuri yang datang ke Pahang (Lubuk Pelang) untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf. Pengembaraan Hamzah Fansuri kebiasaanya atas matlamat dan hasratnya yang kuat untuk mencari Tuhan (Mana Sikana, 2014) Matlamat yang sama juga mendorong beliau datang ke Pahang, ini terungkap dalam syairnya (Claude Guillot,2008);

*Dari Banten ke Pahang terlalu payah,  
Mencari Tuhan yang sedia Manah,  
Sebab inilah da'im [senantiasa] ia berlelah,  
Akhirnya mendapat di dalam rumah.*

Perkara ini telah menunjukkan pengajian Islam di Pahang mempunyai kedudukan yang tersendiri. Begitu juga dengan peranan kedua-dua tokoh ini dalam memberi kesan terhadap Islam di Pahang. Selain itu al-Raniri dan Hamzah al-Fansuri mahir bertutur dalam Bahasa Melayu, ini membuatkan interaksi sosial, dakwah dan penyampaian ajaran bukanlah sesuatu yang mustahil ketika mereka berada di Pahang.

Menarik jika ditekankan disini bahawa kedatangan al-Raniri dan Hamzah al-Fansuri memungkinkan wujudnya liga ilmu di Pahang. Raniri datang ke Pahang dengan fahaman Wahdatul Syuhud, manakala Hamzah al-Fansuri merupakan agen penyebaran fahaman Wahdatul Wujud. Jika di Aceh al-Raniri begitu tegas dalam menentang ajaran Wahdatul Wujud. Begitu juga di Pahang, sekiranya dua-dua fahaman ini menular masuk melalui dua tokoh ini, nescaya ia mewujudkan liga ilmu di antara tokoh tempatan dalam membahaskannya.

## PENULISAN KITAB SIRAT AL-MUSTAQIM

Ketika berada di Pahang al-Raniri telah mengarang satu kitab yang bertajuk “al-Sirat al-Mustaqim”, iaitu pada tahun 1044H (sekitar 1634M) (Haji Mat Saad, 2004) dan selesai penulisannya pada tahun 1644 Masihi (Teuku Iskandar, 2007). Kitab ini disempurnakan atas permintaan sultan yang memerintah Aceh ketika itu iaitu Sultan Iskandar Thani (1637-1641) (Jamalluddin Hashim, 2011). Winstedt pula menyatakan kitab ini dikarang pada tahun 1928 Masihi, kira-kira sembilan tahun sebelum al-Raniri memasuki Aceh (ia juga termasuk fasa beliau menetap di Pahang). Kitab al-Sirat al-Mustaqim yang bermaksud “jalan yang lurus” adalah kitab Fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara. Ia juga merupakan kitab fiqh mazhab Syafi’i. Kitab ini juga telah menjadi sebuah kitab yang penting dalam peranannya menyerlahkan budaya keilmuan di Alam Melayu. Kitab ini digunakan secara meluas terutamanya di Aceh sehingga abad ke-19 (Abdul Kadir,1996), bahkan masih lagi digunakan di sebahagian sekolah-sekolah agama di Malaysia pada kurun ke-20 ( Raja Mohammed Affandi, 1974).

Kitab *al-Sirat al-Mustaqim* karangan al-Raniri telah dihasilkan di Pahang dan Aceh. Penulisan beliau wujud unsur dan elemen tempatan di dalamnya kerana sasaran pembacanya adalah khalayak masyarakat Melayu Nusantara. Oleh kerana itu ia dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Elemen tempatan yang diserap di dalam kitab ini sudah tentu melalui observasi al-Raniri sendiri dalam masyarakat Islam di tempat kitab itu dikarang. Justeru itu masyarakat Islam yang dimaksudkan adalah masyarakat Islam Pahang dan Aceh. (Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli, 2012).

Secara dasarnya kitab fiqh yang dikarang mempunyai hubungan dengan penulis dan pembaca. Dalam konteks yang lebih luas, kitab fiqh merupakan dokumen dari produk pemikiran mengenai unsur norma dalam kehidupan manusia, khususnya bagi masyarakat Islam. Oleh kerana itu, terdapat hubungan timbal balik antara kitab fiqh dengan entiti kehidupan. Selain itu, ia juga merupakan produk induksi dari permasalahan yang timbul dalam kehidupan manusia. Oleh itu dapat dijelaskan disini masyarakat Islam di Pahang ketika itu mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkan ajaran Islam sehingga ia dapat digambarkan di dalam kitab al-Sirat al-Mustaqim.

## WARISAN KEARIFAN KETATANEGARAAN MELAYU-ISLAM

Dalam tradisi keilmuan Islam, ketatanegaraan adalah ilmu yang dikhurasukan untuk menasihati para umara’ (pemimpin politik) dan memberi bimbingan dalam hal politik dan ketatanegaraan. Ini bermakna ulama’ sangat mengambil berat tentang hal kenegaraan. Tradisi menasihati pemimpin (nasihat Al-Muluk) amat dititikberatkan dalam tamadun Islam. Beberapa ulama’ besar terkenal dengan karya mereka dalam bidang ini: Kitab al-Kharaj karya Abu Yusuf (798), yang

ditulis atas permintaan Harun al-Rashid (763 - 809), adalah di antara karya terawal yang diketahui dalam bidang ini. Abu al-Hasan al-Mawardi (1058) menulis Nasihat al-Muluk dan al-Ahkam al-Sultaniyyah; Abu Hamid al-Ghazali (1111) dengan karyanya bertajuk al-Tibr al-Masbuq fi Nasihat al-Muluk, Ibn Taymiyyah (1328) menulis al-Siyasah al-Shariyyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyyah dan banyak lagi karya yang lain.

Di Alam Melayu, khususnya pada abad 16-18, ilmu ketatanegaraan Islam muncul dan menjadi antara keilmuan Alam Melayu yang banyak memberi kesan kepada kerajaan Alam Melayu silam. Hal ini berlaku sebelum Alam Melayu terdedah dengan idea dan pemikiran barat. Hanya selepas penjajahan politik dan epistemologi barat, kesemua karya Karya Ketatanegaraan Melayu dianggap tidak relevan untuk pemerintahan berkerajaan Alam Melayu. Pihak kolonial British dan Belanda telah mengumpulkan karya-karya ilmu Melayu, termasuk Karya Ketatanegaraan Melayu ini.

Terdapat tiga karya ketatanegaraan yang dihasilkan oleh tiga sarjana Melayu; dua daripadanya dari Aceh dan seorang dari Johor -Riau. Tokoh Aceh adalah Bukhari al-Jauhari dengan karya Taj al-Salatin (1603), Nuruddin al-Raniri dengan kitab Bustan al-Salatin (1658) dan Raja Ali Haji dengan kitab Tsammarat al-Muhimmah (1873). Apa yang jelasnya, dua kitab yang awal tadi dihasilkan pada zaman keagungan kerajaan Aceh, manakala karya Raja Ali Haji dihasilkan pada zaman kejatuhan tamadun Islam Alam Melayu.

Bidang ketatanegaraan Melayu ini boleh dikatakan sebagai versi Islam alam Melayu yang membezakannya dengan kawasan lain. Asas akidahnya sama dengan ajaran Islam sejati, apa yang membezakannya adalah sentuhan alam Melayu yang terkandung di dalamnya.

Secara kasarnya, intipati utama ilmu ketatanegaraan Melayu-Islam terdiri enam bahagian. Pertama, ia ditulis atas sebab tertentu seperti atas kehendak raja di samping atas usaha pengarangnya sendiri bagi menasihati raja dan menyelesaikan masalah kepimpinan politik yang timbul dalam negara. Contoh, Taj Salatin ditulis untuk membantu menyelesaikan masalah kepimpinan dan anarki dalam kesultanan Aceh akibat perebutan kuasa. Ramai sarjana berpendapat bahawa kitab ini ditulis di Aceh untuk Sultan Alaudin Riayat Shah (1586- 1604). Bukhari al-Jauhari dikatakan mempersesembahkannya kepada Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) sebagai satu sumbangan pemikiran dalam masalah kepimpinan. Ia dihasilkan dengan niat untuk menjadi petunjuk atau manual bagi raja-raja dalam pemerintahan mereka.

Kedua, ia lebih bernuaskan prinsip Islam sejati dan tiada elemen feudal Melayu yang menganggap raja sebagai berdaulat jelmaan tuhan yang berkuasa mutlak. Tsammarat al-Muhimmah menolak pendekatan ini kerana ia bakal membawa syirik kepada Allah, selain bakal menjadikan raja sebagai *tirani* (zalim).

Ketiga, ia menekankan kepentingan mewujudkan kerajaan dengan seorang pemimpin yang dianggap sebagai Fardhu Kifayah bagi (a) mewujudkan suasana yang bakal memberikan kehidupan yang aman, (b) mewujudkan keadilan bagi dilaksanakan syariah dan (c) menjaga hak dan kebajikan rakyat.

Keempat, kepatuhan kepada raja adalah bersyarat selama mana ia tidak bertentangan dengan syariah. Sebahagian besar daripada ilmu ketatanegaraan Melayu ini menekankan tentang syarat, sifat dan bagaimana seseorang raja itu dapat menjadi pemimpin yang adil dan bertaqwa kepada Allah.

Atas dasar itu, terdapat empat fasal kitab Taj Salatin secara langsung menyentuh soal hakikat manusia (termasuklah raja) sebagai hamba - perantau di dunia sementara yang secara pastinya akan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi. Di Alam Akhirat nanti semua perilaku perbuatannya akan dipersoalkan dan dihisab Allah dengan seadil-adilnya.

Kelima, larangan menderhaka kepada raja dan menjatuhkannya melalui jalan kekerasan demi untuk mengelakkan timbul fitnah anarki yang lebih besar. Bagi Raja Ali Haji, walaupun adil adalah sifat yang paling penting, tetapi beliau tidak terburu-buru menyatakan bahawa apabila seorang raja itu berlaku tidak adil ia boleh dilucutkan dari takhtanya. Beliau cukup berhati-hati agar tidak mendatangkan huru-hara akibat pertimbangan yang singkat. Sesuai dengan pandangan para ulama Ahli al-Sunnah wa al-jamaah yang muktabar, beliau mengatakan: "tiada boleh diturunkan raja itu daripada kerajaan jika hilang sifat adilnya sekalipun". Walaupun keadilan merupakan prinsip yang sangat penting namun jika raja tersebut ternyata tidak berlaku adil terhadap rakyatnya ia tidak langsung boleh dimazulkan dengan alasan ini. Prinsip ini juga telah menjadi garis panduan bagi umat Islam agar tidak terjebak dalam ekstremisme dan radikalisme.

Keenam, pemerintahan dengan Musyawarah. Musyawarah adalah konsep dan prinsip yang amat penting yang mencirikan sistem pemerintahan Islam. Ia adalah lambang pemerintahan yang adil dan bijaksana. Musyawarah dapat memastikan sesebuah negara itu diperintah berdasarkan ilmu dan kebijaksanaan dan bukan berdasarkan hawa nafsu dan ketamakan. Menyedari kepentingan musyawarah dan konsepnya yang unik Raja Ali Haji bukan sahaja mewajibkan musyawarah, sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi juga menentukan bila dan bagaimana musyawarah itu dilakukan serta adab-adabnya. Bahkan beliau juga menjelaskan dengan siapa sahaja musyawarah itu dilakukan: "jangan musyawarah dengan orang yang jahil dan kepada seteru dan kepada orang yang dengki dan kepada orang yang riya' dan kepada orang yang penakut dan kepada orang yang bakhil dan kepada orang yang sekedudukan dengan perempuan dan orang yang mengikut hawa nafsunya kerana segala mereka yang tersebut itu barangkali di dapat kecederaan pada musyawarah."

## IMPAK ISKANDAR THANI KEPADA KEILMUAN KETATANEGARAAN ACEH

Kajian mendapati memang terdapat hubungan yang sangat erat antara Nuruddin al-Raniri dengan sultan Iskandar Thani. Pertama, keduanya saling mengenali dengan rapat semasa di Pahang. Nurudin pernah tinggal dan menghabiskan karyanya fiqhnya, Siratal Mustaqim di Pahang. Banyak ideanya diambil daripada realiti masyarakat pahang. Contohnya keterangannya tentang isu fiqh tempatan dikaitkan dengan realiti masyarakat Melayu pahang.

Sejak disiplin fiqh Islam mula-mula diperkenalkan Alam Melayu, pada abad ke 16-17, melalui Kitab Fiqh *Siratal Mustaqim*, Nuruddin al-Raniri memang memahami dan menonjolkan system fiqh yang bersifat semasa ini. Ianya perlu sesuai dengan budaya, struktur dan sosio-historis masyarakat Alam Melayu. Memanglah diakui, karya-karya fiqh Alam Melayu yang datang terkemudian berusaha melakukan review dan memperkemaskan lagi masa ke semasa sehingga zaman moden ini.

Secara kasarnya, melalui karya-karya fiqh Alam Melayu di Abad ke enam belas hingga lapan belas, kita dapat mengenal pasti ulama Melayu selepas Nuruddin al-Raniri tetap mengambilkira realiti budaya tempatan ini. Antaranya;

### **Pendekatan Mengambil Kira Realiti Fahaman Keagamaan Yang Timbul Di Dalam Masyarakat.**

Hal ini boleh dirujuk dalam kes Al-Raniry mengeluarkan fatwa yang keras, menjatuhkan hukuman bunuh serta membakar kitab-kitab milik penganut fahaman Tasawuf Wujudiah. Alasan fatwanya ini adalah umat Islam di Aceh harus ditegah daripada menganut fahaman tasawuf ini yang boleh menyesatkan umat Islam.

### **Pendekatan Mengambilkira Realiti Budaya Seharian Masyarakat**

Pendekatan ini amat ketara dalam karya Nuruddin Al-Raniri, Siratal Mustaqim. Walaupun beliau menggunakan sumber rujukan karya fiqhnya daripada karya-karya Arab seperti Minhaj al-Talibin Wa ‘Umdah al-Muftin oleh al-Nawawi, Manhaj al-Tullab dan Fath al-Wahhab oleh Zakariyya al-Ansari, al-Anwar li A‘mal al-Abrar oleh al-Ardabili, ‘Umdah al-Salik wa ‘Uddah al-Nasik oleh Ibn al-Naqib, Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj oleh al-Khatib al-Sharbini dan tiga buah karangan fiqh Ibn Hajar al-Haytami, iaitu Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj, Fath al-Jawwad Sharh al-Irshad dan al-Minhaj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah, tetapi beliau telah memasukkan dalam beberapa contoh-contoh kitabnya dengan barangang tempatan Melayu. Maknanya, beliau telah menyesuaikan perbincangannya dengan memasukkan elemen tempatan Melayu Nuruddin al-Raniri Nuruddin al-Raniri dan bukannya mengambil terus contoh yang terdapat dalam budaya Arab, seperti mana terkandung dalam sumber rujukan yang digunakannya. Contoh barangang tempatan Melayu pahang yang dimaksudkan;

1. Hukum Penggunaan Rantai, Halkah dan Kepala Perkapuran Tembaga daripada Perak – perhiasan dan peralatan memakan sirih.
2. Hukum Memakai Pontoh, Dokoh, Seresari dan Dewangga – pakaian, perhiasan dan alat haruman yang digunakan dalam upacara diraja.
3. Hukum Arak Tempatan. Dalam tradisi Arab, arak pada kebiasaannya diproses daripada bahan seperti anggur, kurma, kismis, madu, gandum, barli, jagung dan beras. Beliau telah mengharamkan penggunaan arak dalam masyarakat Melayu yang dikenali sebagai Tuak (sejenis minuman yang dibuat daripada nira kelapa, enau dan lain-lain) dan Kilang (air tebu atau nira yang diasamkan sebelum menjadi tuak).
4. Hukum beristinjak dengan kitab yang tidak berguna. Beliau memberikan contoh untuk diharuskan melakukan istinja dengan kitab Tawrah dan Injil, Hikayat Seri Rama dan Inderaputra. Ini kerana kesemua bahan-bahan ini tidak berguna mengikut pandangan Islam.
5. Hukum sembahyang sunat di atas Rengga. Beliau menyatakan sah sembahyang sunat dengan mengadap kiblat walaupun berada di atas Rengga (tempat duduk berkanopi yang dipasang di atas belakang gajah, kerbau dan unta).

Kedua, apabila sultan Iskandar Thani dilantik sebagai Sultan Aceh, Nurudin dilantik sebagai mufti dan menjadi orang terpenting yang menasihatinya dalam pemerintahan negara. Kedudukan Nuruddin sebagai Sheikhul Islam di Aceh mendapat naungan Sultan Iskandar Thani. Selama tempoh ini, walaupun hanya enam tahun (1637-1643M), Nuruddin telah diarahkan oleh Sultan Iskandar Thani untuk mengarang kitab-kitab agama untuk disebarluaskan ke seluruh empayar Aceh. Merujuk khusus kepada bidang ketatanegaraan, Nuruddin telah mengarang Karya *Bustan al-Salatin* yang memberi nasihat terbaik menggunakan laras bahasa Melayu yang tinggi.

Antara contoh nasihat-nasihatnya terdapat dalam Bustan al-Salatin, Bab ke-3 Fasal Pertama, iaitu “pada (menyatakan) menjadikan raja dan mengikut dia dengan segala syarat.”

1. Nasihat: Sayoginya bagi segala raja-raja jangan ia segera menghukumkan barang suatu yang didengarnya daripada sembah orang daripada suatu warta. Takut siapa tahu ada jua membawa fitnah orang. Jikalau dihukumkan dengan yang demikian itu, tiada dengan periksyanya, jadi teraniayalah manusya daripada fitnah orang itu.
2. Nasihat: Sayoginya bagi segala hamba Allah menyerahkan dirinya kepada Allah Ta’ala, dan dipohonkannya barang suatu yang dikehendakinya. Dan harap ia akan kemudahannya, nescaya diperolehnya jua adanya. Jangan ia dukacita kerana kesukaran. Bahwasanya beberapa kejahatan pada zahirnya, adalah kebijakan pada batinnya.
3. Nasihat: Sayoginya bagi segala raja minta pengajar daripada segala masyaikh seperti kelakuan Raja Harun ar-Rasyid, dan mengambil insaf akan dirinya daripada menengar nasihat itu. Dan jangan ia lalai dengan dunia yang fana ini ini.
4. Nasihat: Wajib atas segala hamba Allah mengerjakan *amar bi'l-ma'ruf wa'n-nahi 'ana'l-munkar*. Dan tersangat wajibnya atas segala raja-raja dan segala orang yang berpenguasaan. Seperti firman Allah Ta’ala yang tersebut dalam Qur'an [3:104]: Ertinya, “Hendaklah ada sepasukan daripada kamu membawai segala manusya kepada

kebijakan, dan menyuruhkan mereka itu berbuat kebijakan dan melarangkan mereka itu daripada berbuat kejahanan. Dan mereka itulah sekaliannya berbahagia, dan luputlah ia daripada murka Allah.”

Seperi mana sabda Nabi sallallahu `alaihi wa sallam: Ertinya, “Barang siapa melihat daripada kamu akan yang berbuat kejahanan, iaitu yang meninggalkan pekerjaan fardhu atau mengerjakan yang haram, jikalau dosyanya kecil sekali pun, maka hendaklah menegahkan dia dengan tangannya. Maka jika tiada ia kuasa demikian itu, maka dengan lidahnya. Maka jika tiada kuasa ia demikian, maka {itu} dengan hatinya. Dan yang demikian itu tanda lemah iman jua”.

Kata nasihat yang diberikan ini secara langsung untuk menasihati sultan dalam pemerintahannya. Ia juga telah berjaya mengangkat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi yang tersebar dengan meluasnya di seluruh alam Melayu. Walaupun bentuk bahasa Melayu yang digunakan oleh beliau merupakan bahasa Melayu praklasik, namun sebenarnya bentuk bahasa beliau itu daripada laras sastera kitab yang banyak terpengaruh dengan struktur bahasa dan menyerap banyak istilah Arab untuk mendukung konsep-konsep yang telah masuk ke dalam kepustakaan ilmu masyarakat Melayu dengan kemasukan agama Islam.

Begitu juga banyak sekali istilah bahasa Arab dalam *Bustan al-Salatin* yang dipinjam terus ke dalam bahasa Melayu, kerana sememangnya tidak ada istilah asli yang dapat mendukung konsep agama Islam yang meresap masuk ke dalam penggunaan bahasa Melayu, misalnya *fardu, wajib, haram, harus, makruh, dzalim, hukum, niat, sah, batal, adil, ni`mat, bala, barakah, hidayah, Rasul, nabi, aulia, muslim, kafir, mukallaf, aqil baligh, Amiran l'Mu'minin, taat, engkar*, dan lain-lain. Syeikh Nurudin ar-Raniri secara bijaksana telah menerima masuk istilah Arab yang mendukung konsep-konsep agama Islam yang tidak ada dalam bahasa Melayu, yang dengan demikian telah memperkaya dan meningkatkan kewibawaan bahasa Melayu menjadi bahasa yang mendukung ilmu tinggi.

Atas dorongan dan naungan Sultan Iskandar Thani, Nuruddin telah memainkan peranan mengalakkkan perkembangan intelektual Islam yang lebih pesat di Alam Melayu. Ia sesuai dengan teori S.M. Naqqid al-Attas yang menegaskan bahawa proses pengislaman di Alam Melayu telah melalui tiga zaman utama. *Pertama*, zaman antara tahun 1200-1400 iaitu zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (*nominal conversion*). *Kedua*, zaman antara tahun 1400-1700 yang dijelaskan sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup mengalakkkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. *Ketiga*, zaman antara tahun 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan idea daripada yang kedua, yang kemudiannya telah terganggu dengan kedatangan kuasa barat di Tanah Melayu (S.M. Naquid Al-Attas, 1969).

Atas dasar itu, sarjana berpendapat bahawa era 1400-1700 dikatakan sebagai era formatif yang mengasaskan tradisi keilmuan Islam Alam Melayu.

Walapun tempoh pemerintahan Sultan Iskandar Thani agak singkat, tetapi nurudin tetap meneruskan usaha menghasilkan karya-karya intelektual Islam dalam pelbagai bidang. Ini menjadikan pengaruhnya tetap kukuh di Aceh, termasuklah usaha melantik bala Sultan Iskandar Thani sebagai pengantinnya.

## SUMBANGAN PUTERI KAMELIA DI ACEH

Setakat ini, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada kisah cinta romantik antara beliau dengan Sultan Iskandar Muda. Sedangkan sumbangan Puteri Kamelia ternyata lebih besar lagi, beliau terlibat secara langsung dalam;

### **Menyusun Perjalanan Adat Istiadat Istana Dan Mekanisme Menghubungkan Rakyat Dengan Sultan. Rakyat Diberi Saluran Untuk Menyuarkan Masalah Kepada Pihak Istana.**

Berhadapan dengan masalah hubungan rakyat dengan pemerintah, Puteri Kamelia telah menyusun organisasi ini yang turut disertakan dengan langkah susulan terbaik digunakan bagi menanggani permasalahan rakyat (Hafiz Mubarraq Haridhi, 2014). Apa yang diperkenalkan ini amat besar signifikannya sehingga ia tercatat dalam hadis Maja. Hadis maja adalah pepatah dan adat masyarakat Aceh yang menjadi panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Ia diungkapkan dalam kalimat yang pendek, tetapi mengandung makna falsafah yang mendalam. Ia disusun berdasarkan pengalaman yang panjang, dipersembahkan dengan bahasa yang indah, bersajak agar mudah diingat dan senang diucapkan. Dalam kehidupan orang Aceh, *hadith maja* menjadi sumber nilai yang dijunjung tinggi. Abu Bakar, sejarawan Aceh menyatakan bahawa : *hadith maja merupakan ucapan yang berasal dari nenek moyang yang tidak berhubungan dengan agama, tetapi ada kaitannya dengan kepercayaan rakyat yang boleh diambil ibaratnya untuk menjamin ketenteraman hidup dari terjadinya bencana, seperti adat istiadat pada suatu upacara, aturan-aturan berpantang, ucapan-ucapan mengenai moral dan lain-lain*. Dalam salah satu *hadis maja* yang telah menjadi falsafah hidup dan politik bagi rakyat dan kerajaan Aceh berbunyi:

*Adat bak Poteu Meureuhoom,  
Hukoom bak Syiah Kuala,  
Kanun bak putrou Phang,  
Reusam bak Lakseumana,  
Hukoom ngon adat,  
Lagee zat ngon sifeut.*

Terjemahannya :  
*Pemangku adat di tangan Poteu Meureuhoom,  
Hukum di tangan Syiah Kuala,  
Hak membuat Undang-undang di tangan Puteri Pahang,  
Yang mengawal pelaksanaan adat dan resam berada di tangan laksamana,  
Hukum dengan adat, seperti zat dengan sifatnya.*

Daripada hadis maja ini, difahami bahawa sampai sekarang nama puteri kamelia (*Puteri Phang*) masih disebut apabila menyentuh isu adat istiadat dan tanggungjawab penjagaan kebijakan rakyat oleh pihak kerajaan.

Mengikut A.Hasjmy (1976), ungkapan hadis maja ini merupakan pedoman asas bagi hukum adat-istiadat di Aceh, serta pembahagian kekuasaan dalam kerajaan Aceh. Antara lainnya pembahagian ini dengan kuasanya difahami sebagai;

1. Kekuasaan eksekutif (politik) dan adat berada ditangan Sultan Imam Malikul Adil sebagai ketua pemerintahan. (*Adat bak Poteu Meureuhoom*).
2. Kekuasaan Judislatif (hukum) berada di tangan para ulama, pada masa itu Syekh Abdul Rauf seorang ulama. Ia juga dikenali dengan nama Kadi Malikul Adil yang digelar sebagai Syiah Kuala. (*Hukoom bak Syiah Kuala*)
3. Kekuasaan Legislatif atau badan yang membuat undang-undang diberi gelaran kepada Putroe Phang (Puteri Pahang), kerana Puteri dari Pahang inilah yang memberikan nasihat kepada Sultan Iskandar Muda, supaya mendirikan sebuah lembaga yang bernama Balai Majlis Mahkamah Mesyuarat Rakyat (*Kanun bak putrou Phang*).
4. Peraturan protokol (resam), berada ditangan panglima tertinggi Angkatan Perang Aceh (Laksamana). (*Reusam bak Lakseumana*)
5. Dalam keadaan bagaimanapun, adat, qanun dan resam, tak boleh dipisahkan dengan ajaran (hukum) Islam (A.Hasjmy, 1976)

### Pendekatan Mesra Wanita Dalam Masyarakat Melayu Aceh

Dengan inisiatif Puteri Kamelia, status wanita diakui tinggi dalam masyarakat Aceh sehingga pandangan mereka diambil kira dalam urusan bernegara. Kemuncak pendekatan ini adalah apabila balu Sultan Iskandar Thani iaitu Tajul Alam Safiatuddin Syah (1641-1675M) dilantik sebagai sultanah Aceh. Ia berjaya membuktikan kemampuan wanita menjadi pemimpin negara.

Apa yang uniknya, masyarakat Aceh mengamalkan budaya yang tidak meminggirkan peranan wanita. Sebaliknya wanita dianggap pelengkap (komplimentari) kepada lelaki dalam kehidupan. Budaya ini mendapat dokongan Abdul Rauf Singkel, ulama besar Aceh. Ia menyokong kuat pelantikan empat orang sultanh Aceh; Tajul Alam Safiatuddin Syah (1641-1675M) Ratu Waqiatuddin, Ratu Zakiatuddin, dan Ratu Kamalat Syah. Semasa pemerintahan tiga ratu yang terakhir, pada hakikatnya Abdul Rauf Singkel yang memegang kuasa pemerintahan. Ratu Safiatuddin pernah mengirim Abdul Rauf Singkel ke Kudus, Melaka India, Baghdad, Turki, Mekkah dan Madinah untuk menambah ilmu pengetahuannya.

Sekembalinya dari perjalanan itu, beliau telah menulis sebuah kitab hukum yang bernama “Miraatut Thullah” atas permintaan dari Ratu Safiatuddin sendiri. Kitab ini kemudian di kirim ke pelbagai negara di antaranya ke semenanjung Malaysia, Johor, Kedah, Patani Thailand, Perak, Pahang, dan Sarawak. Selanjutnya Kitab tersebut dikirim ke Sumatera Barat, Ulakan (Pariaman) Kerinci, Banjar, Indragiri, Jawa, Banten, Jepara, Gresik, Makasaar, Tidore, dan lain-lain.

Abdul Rauf Singkel menegaskan pemilihan seorang ketua negara perlu didasarkan kepada kriteria akhlak, ilmu dan kesediaan menerima hasil syura ulama, dan bukannya kerana faktor jantina kelakian semata-mata. Hal ini diputuskan kerana ia mendapati calon-calon lelaki yang berebut hendak menjadi sultan Aceh selepas kematian Iskandar Thani kebanyakannya rosak akhlak dan tidak memiliki ilmu. Dasar ini membuktikan bahawa berbanding dengan pandangan dunia masyarakat dunia lain yang mengamalkan pendekatan Patriakhi (lelaki memainkan peranan besar dalam kehidupan keluarga dan negara)- masyarakat Melayu Pahang dan Aceh tidak melakukan hal ini dalam kehidupan.

Wanita Aceh dicatat terlibat secara aktif dalam bidang pemerintahan dan ketenteraan (Edriana Noerdin, 2005) A. Hasjmy, sejarawan dan Pemimpin Dewan Ulama Daerah Istimewa Aceh, menegaskan hal ini dengan; “... di masa lalu, kesultanan Islam di Aceh memperlakukan laki-laki dan perempuan setara. Hak perempuan untuk memegang tumpuk kerajaan di istana diakui secara penuh. Di bawah hukum Kesultanan Aceh Darussalam, hak-hak laki-laki dan perempuan adalah sama. Begitu juga kewajiban mereka untuk membela dan membangun kesultanan. Hak-hak dan kewajiban itu menyediakan kesempatan bagi perempuan Aceh dari Kesultanan Perlak, Samudera Pasai, dan Aceh Darussalam untuk ikut serta secara aktif dalam pemerintahan dan militer.” (Hardi, 1993).

Terdapat juga catatan sejarahwan tentang kehebatan dan keterlibatan wanita Aceh dalam perang melawan penjajah Belanda.

“Perwira-perwira Belanda banyak membicarakan wanita Aceh dengan penuh rasa kagum dan hormat atas keberanian mereka. Dengan gagah berani wanita Aceh tidak pernah merasa gusar dalam mempertaruhkan seluruh peribadinya untuk mempertahankan sesuatu yang dipandang sebagai kepentingan agama dan nasional. Mereka berperanan dan terlibat langsung dalam peperangan 80 tahun antara Aceh dan Belanda. Atas kekaguman tersebut mereka menyebut wanita Aceh sebagai “*de grootes Dames*” (wanita-wanita agung) yang telah memainkan peranan besar dalam politik peperangan di Aceh.” (Jakobi, Tgk.A.K, 1998).

Semenjak daripada itu, tradisi mesra wanita di Aceh menjadi bahan bukti terpenting untuk menolak dakwaan wujudnya budaya Patriakhi yang melampau dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu, khususnya di Terengganu dan Pahang memang terkenal dengan pendekatan mesra wanita, yang telah dibuktikan dengan kajian oleh beberapa sarjana luar negara (Rosemary Firth, 1966).

Andainya kita mahu menolak teori feminism barat semasa yang mendakwa penindasan bias gender memangnya berlaku dalam masyarakat Melayu, kita boleh mempergunakan sejarah Aceh ini sebagai buktinya.

Di Malaysia kini terdapat gerakan feminism yang terpengaruh dengan idealism liberal barat yang mengatakan berlakunya penindasan terhadap golongan wanita di Malaysia. Pandangan berdasarkan kepada beberapa perkara utama;

Pertama, ianya berlaku kerana wujudnya budaya patriarki dalam masyarakat Melayu yang berteraskan ajaran Islam. Ia dikaitkan dengan budaya patriarki (budaya berasaskan kepada kuasa bapa) yang menindas golongan wanita demi untuk memastikan dominasi lelaki dalam keluarga dapat dikekalkan. Mereka mengaitkan agama sebagai penyebab utama berlakunya bias jantina dalam masyarakat Islam. Bagi mereka, dominasi bapa yang menjaga kepentingan autoritinya bakal menyebabkan golongan wanita, khususnya isteri dan anak perempuan akan ditindas. Atas dasar ini, bagi budaya patriarki kelahiran anak lelaki lebih dihargai berbanding dengan anak perempuan kerana anak perempuan dianggap membawa sial kepada keluarga.

Kedua, wanita sering dikaitkan dengan pelabelan negatif tentang kelemahan wanita yang bakal menyulitkan kehidupan dan hak mereka. Wanita dikatakan insan yang mempunyai daya akal yang lemah dan selalu dipengaruhi oleh emosi dalam pemikiran dan melakukan sesuatu perkara.

Ketiga, wanita moden perlu meninggalkan institusi perkahwinan yang dianggap telah dicipta oleh budaya patriarki untuk menindas dan memerangkap golongan wanita agar menjadi hamba seks kepada lelaki. Apabila seseorang wanita berkahwin, mereka secara pasti terpaksa terlibat di dalam aktiviti domestik (rumah tangga) tanpa diberikan apa-apa bayaran. Maknanya selain dari tugas biasa di pejabat, seseorang wanita yang berkahwin terpaksa mengandung, melahirkan dan mendidik anak, di samping terpaksa melakukan tugas-tugas sebagai suri rumah (Zaleha Kamaruddin, 2003). Sebagai ganti, golongan wanita digalakkan untuk menjadi wanita berkerjaya sepenuh masa demi untuk mobiliti diri sendiri dan patut mengamalkan seks bebas tanpa sebarang ikatan untuk memenuhi keperluan naluri kemanusiaan (Zeenath Kausar, 2001).

Keempat, wanita tidak dibenarkan menceburii bidang awam dan dihadkan kepada bidang domestik di rumah. Pendekatan yang meminggirkan dan menganggap wanita sebagai makhluk kotor diabsahkan dengan ajaran agama kerana percaya bahawa wanita sebagai makhluk pembawa sial.

## **PENOLAKAN PANDANGAN GOLONGAN FEMINISME BERASASKAN WARISAN SEJARAH GENDER ACEH-PAHANG**

Apabila meneliti perbincangan bias gender yang diutarakan oleh golongan feminism barat di atas, kita dapat membuktikan bahawa kesemua budaya patriarki yang ditohmahkan menindas golongan wanita dalam masyarakat Melayu ternyata salah sama sekali. Hal ini timbul kerana beberapa sebab yang utama; Pertama, golongan feminism ini tidak memahami budaya Melayu, tetapi melihatnya daripada perseptif feminism sekular barat dengan meletakkan premis awal bahawa penindasan memang dilakukan kepada wanita. Mereka memaksakan teori barat yang dianggap sebagai universal untuk diterapkan pada masyarakat Melayu, kyonnya bagi memahami fenomena bias gender dalam masyarakat Melayu. Teori budaya patriarki dan agama yang menindas wanita sebenarnya merupakan produk kognitif sekular barat yang boleh dipertikaikan. Ia dihasilkan daripada proses kajian di luar kawasan Alam Melayu dengan agenda menunjukkan ketinggian tamadun barat yang menolak agama (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2012). Pandangan ataupun teori ini bersifat khusus untuk sesuatu masyarakat semata-mata tidak boleh dikatakan mewakili kesemua masyarakat di kawasan lain. Ini kerana setiap kawasan yang berbeza pasti akan mempunyai budaya hubungan jantina yang berbeza - mengikut kesesuaian agama, iklim dan sosiologi kekeluargaan yang dipegang oleh masyarakat tersebut.

Kedua, impak Islam dalam pembentukan hubungan kekeluargaan keluarga Melayu amat besar sekali - hingga sampai peringkat Islam menjadi asas terdalam diri Melayu yang membentuk jati diri (hakikat diri yang menjadi kebanggaan manusia Melayu yang membezakannya dengan ras bangsa lain). Ia terdiri daripada penerapan (i) pandangan dunia asas tentang daripada mana, untuk apa dan ke mana matlamat hidup; (ii) bagaimana mengatur hidup manusia Melayu dari segi kehidupan melalui syariah Islam (yang mengandungi sebagai contohnya persoalan munakahat).

Masyarakat Melayu di wilayah Timur Laut (Terengganu dan Pahang) sangat mementingkan institusi kekeluargaan yang dibentuk di atas dasar agama Islam. Ia terdiri daripada beberapa perkara utama (Kim Keum Hyun, 1995).

## **MEMENTINGKAN INSTITUSI PERKAHWINAN**

Bagi masyarakat Melayu, insitusi perkahwinan bukan setakat untuk memenuhi keperluan naluri seks semata-mata, tetapi untuk mendapatkan zuriat (anak) sebanyak mungkin. Anak bagi masyarakat Melayu merupakan harta yang paling bernilai sehingga ia digelar sebagai *Cahaya Mata* yang dikurniakan Allah. Bagi masyarakat Melayu, anak bukanlah suatu bebanan seperti mana difahami oleh masyarakat barat. Anak dianggap sebagai harapan dan masa depan tempat ahli keluarga seperti ibu bapa bergantung harap di hari kemudian. Tidak diamalkan pendekatan bias jantina di antara anak lelaki dan perempuan. Kalau adapun perbezaan ini, ianya di buat bersesuaian dengan perwatakan jantina seseorang anak. Anak perempuan yang biasanya bersifat lembut akan ditugaskan untuk membantu kerja ibu di rumah (*domestic work*), manakala anak lelaki yang mempunyai sifat kasar dan kuat akan ditugaskan untuk membantu kerja bapa di luar rumah.

Setiap orang anak akan dihargai oleh keluarga Melayu walaupun mendapat anak yang cacat. Anak yang cacat dianggap oleh keluarga Melayu sebagai pembawa tuah. Paling penting sekali, setiap ibu bapa Melayu memang berusaha mendidik dan mengharapkan untuk mendapat anak yang soleh. Cita-cita ini dibuat berdasarkan kepada pemahaman ajaran Islam dalam dua perkara utama. *Pertama*, ianya dianggap bakal menjadi syafaat ataupun mendoakan kesejahteraan ibu bapa apabila kedua-duanya meninggal dunia kelak. Ini kerana bersesuaian dengan ajaran Islam yang menegaskan hanya tiga perkara sahaja yang dapat membantu ibu bapa di alam kubur; (i) doa anak yang soleh, (ii) ilmu yang diajar dan dimanafatkan dan (iii) sedekah jariah. Sebab *kedua*, seseorang anak yang soleh bakal menjaga kedua ibu bapanya apabila mencapai usia tua kelak. Ianya turut dijanjikan pahala yang amat besar di sisi Allah.

Jika dirujuk kepada pandangan dunia Melayu dan perkaitannya dengan pendidikan anak perempuan, ternyata sekali dakwaan yang dikemukakan oleh golongan feminis liberal ini amat salah sekali. Sosiologi pendidikan keluarga Melayu terhadap anak perempuan adalah bertujuan untuk mengelakkan mereka terjebak dalam penindasan daripada orang luar. Terlebih penting lagi, keluarga Melayu-Islam amat menitik beratkan peranan agama di dalam pembentukan akhlak dan emosi anak-anak. Hal ini berlaku akibat daripada pemahaman masyarakat Melayu tentang world-view Islam yang sejati. Ia kemudiannya turut diterapkan sepenuhnya dalam kehidupan bermasyarakat.

## PERANAN IBU BAPA YANG SEIMBANG

Masyarakat Melayu mementingkan pembahagian peranan ibu dan bapa yang seimbang di dalam pendidikan anak-anak. Peranan bapa lebih dikhusruskan untuk mencari rezeki di luar rumah, di samping bertindak sebagai pembentuk disiplin kepada anak-anak. Status ibu sangat dihormati dalam masyarakat Melayu Timur Laut yang sesuai dengan tuntutan agama Islam. Hal ini terbukti apabila terdapat cerita rakyat Melayu tentang penderhakaan Si-Tenggang terhadap ibunya yang sentiasa diajar kepada anak-anak.

Bagi masyarakat wilayah timur laut, berbanding dengan golongan lelaki, wanita telah dianugerahkan tuhan sebagai insan yang terbaik untuk memainkan watak sebagai ibu dengan segala elemen spiritual, emosi, penyayang, bertimbang rasa, lemah lembut, pendidik yang tabah, pemaaf, pendengar yang terbaik, penyejuk jiwa, pemujuk yang baik dan banyak lagi (Azizan Baharuddin, 1985). Semua sifat-sifat ini boleh digunakan sebagai mekanisme terbaik untuk proses pembentukan keluarga Islam yang sejati. Peranan ini walaupun dianggap sebagai remeh oleh sesetengah wanita moden, tetapi ianya boleh dikatakan benteng, penapis dan harapan terakhir untuk proses pembentukan keluarga mithali, lebih-lebih lagi berhadapan dengan krisistem sosial remaja semasa yang menyaksikan unsur perosak lebih banyak dibandingkan dengan unsur pendidik (Saedah Siraj, 2001).

Sebagai analogi dan rujukan khusus kepada kaum ibu, masyarakat Melayu banyak bergantung kepada kupasan Imam Ghazali. Beliau memperihalkan beberapa perkara utama bagi menyedarkan mereka tentang peri pentingnya peranan ibu dimainkan sebaik mungkin.

Pertama, fakta sejarah mencatatkan tentang pengawal Fir'aun yang membunuh semua bayi lelaki dari kaum Bani Israil kerana dibimbangkan akan mengancam kekuasaannya. Pada masa itu, terdapat dua bayi lelaki Bani Israil yang dilahirkan; Musa Alaihi Salam dan Musa Samiri. Allah telah mengilhamkan kepada kedua-dua ibu bayi tersebut untuk menghanyutkan bayi mereka ke dalam Sungai Nil. Bakul yang mengandungi Nabi Allah Musa telah hanyut dan sampai ke istana Fir'aun, yang kemudiannya dijaga dan dididik oleh Asiah (isteri Fir'aun dan juga seorang ibu). Manakala bakul yang mengandungi Musa Samiri telah sampai ke dalam suatu gua, dan kerana sifat Kasihan Belas Allah, dua malaikat telah dihantar untuk menjaga Musa Samiri. Apa yang berlaku adalah Musa telah Berjaya dibentuk dan dididik oleh Asiah dengan watak seorang ibu sejati (dengan hati dan kasih sayang) sehingga kemudiannya menjadi Nabi Allah. Manakala Musa Samiri pula telah menjadi penyesat utama kepada kaum Bani Israil dengan mencipta patung anak lembu daripada emas untuk disembah sebagai tuhan. Maknanya, peranan dan potensi yang dimiliki oleh seorang perempuan-ibu sejati gagal disaingi oleh malaikat Allah itu sendiri.

Kedua, setiap tokoh agung Islam yang Berjaya dilahirkan dalam sejarah semuanya bermula daripada institusi kekeluargaan yang mengamalkan semangat keislaman sejati. Lebih khusus lagi, mereka dikesan telah dididik dan dibesarkan oleh seorang ibu Mithali yang sejati. Hal ini boleh dirujuk kepada data-data peribadi ulama Islam seperti Imam Ali Bin Abi Talib, Hasan dan Husin, Imam Abu Hanifah, Imam Shafi'I, Imam Ghazali, Imam Bukhari, Syeikh Abdul Kadir Jailani dan ramai lagi.

Ketiga, terdapat Hadis Rasulullah yang mafhumnya menerangkan *peranan dan susah payah seorang ibu yang mendidik anak-anak agar menjadi seorang muslim sejati sangat besar pahalanya di sistemi Allah, bakal dibanggakan oleh Rasulullah (dalam bentuk Syafaat) di Hari Akhirat kelak*. Rasulullah juga menerangkan bahawa *setiap kata-kata ibu kepada anak-anaknya merupakan suatu doa yang tiada hijab (penghalang) untuk sampai kepada Allah secara langsung*.

Dakwaan bahawa wanita tidak dibenarkan menceburii bidang publik dan dihadkan kepada bidang domestik di rumah ternyata tidak benar. Hal ini kerana dalam masyarakat Melayu Timur Laut, wanita bergading bahu dengan lelaki dalam bidang publik seperti mencari dan menguruskan rezeki. Bahkan wanita dan ibu sering dipertanggungjawab sebagai bendahari keluarga yang menjaga perjalanan keewangan keluarga (Rosemary Firth, 1966). Tindakan menghadkan wanita daripada menceburii bidang publik bertujuan bagi menjaga kebijakan mereka dieksplotasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Terpenting lagi, bentuk hubungan suami isteri adalah bersifat saling melengkapi, saling menghargai antara satu sama lain. Memang diakui keputusan penting dalam keluarga biasanya diputuskan oleh bapa sebagai autoriti tertinggi, tetapi peranan ibu tetap diambil kira dalam membuat keputusan penting. Keduanya dianggap setaraf dengan fungsi yang berbeza. Keduanya saling melengkapi dalam usaha pembinaan keluarga, mencari dan mengurus perbelanjaan keluarga dan mendidik anggota keluarga. Budaya patriarki (kuasa bapa yang lebih dominant) dalam keluarga Melayu kurang ketara kerana peranan kedua-dua ibu dan bapa agak seimbang, sesuai seperti mana ditetapkan dalam ajaran Islam. Keunikian budaya saling melengkapi dalam sosiologi kekeluargaan masyarakat Melayu di antara suami isteri jelas terjelma dalam konsep harta sepencarian, suatu adat yang mengakui hak isteri dalam penghasilan sesuatu harta keluarga yang perlu diberikan seandainya berlaku penceraian dalam keluarga.

Dalam masyarakat Melayu Timur Laut, elemen akhlak yang baik ini amat dipentingkan yang dikenali dengan *konsep menjadi orang* (Kim Keum Hyun, 1995). Manusia Melayu-Islam mempercayai bahawa seseorang manusia ataupun orang bagi membezakannya dengan makhluk lain seperti haiwan dan jin. Bagi manusia Melayu-Islam, makhluk lain seperti

haiwan, hantu dan jin merupakan makhluk yang mempunyai kedudukan yang rendah di sisi Allah. Sebaliknya manusia berbanding dengan makhluk tersebut, terbentuk daripada tiga elemen yang utama, roh, jasad dan akal yang perlu dibangunkan secara bersepada di dalam program pembangunan masyarakat (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2005). Hal ini bertepatan dengan fakta bahawa agama Islam telah menjadi sumber jati diri dan tenaga penggerak utama ke arah pembentukan manusia Melayu (Hashim Musa, 2001).

## KESIMPULAN

Merujuk kepada perbincangan Sebagai kesimpulan, kita dapat menegaskan beberapa perkara. pertama, hubungan aceh-pahang telah terjalin dalam sejarah Islam alam Melayu dengan cukup erat sekali. bermula dengan usaha menyekat pengaruh portugis dan taktik politik membesan, dua orang tokoh pahang; putera bongsu dan puteri kamelia telah diterima masuk dalam masyarakat aceh. keduanya telah memberi impak kepada usaha memperkasakan keilmuan ketatanegaraan melayu-islam. kedua, andainya kita ingin mengemukakan teori hubungan gender yang tidak bias, maka pengalaman sejarah hubungan gender di Aceh dan pahang dapat digunakan. masyarakat melayu di kedua kawasan ini mengamalkan hubungan yang baik dan penghormatan kepada golongan wanita.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan

## BIBLIOGRAFI

- [1] Hasjmy. (1976). *Ruba'i Hamzah Fansuri: Karya Sastra Sufi Abad ke XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [2] Abdul Kadir. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- [3] Azizan Baharuddin. (1985). *Wanita: Hakikat Dan Realiti*, Kuala Lumpur: IKD.
- [4] Charles Tisdall, (1916). *Ideas of Mohammedan Malaya*. The Missionary Review of The World, V. XXXIV.
- [5] Cik Hasan Bisri. (2002). *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh Dan Fiqh Penelitian*, Bogor: Kencana..
- [6] Claude Guillot dan Ludvik Kalus (2008), *Inskripsi Islam Tertua Di Indonesia* (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- [7] Edriana Noerdin (2005), Politik Identitas Perempuan Aceh, Jakarta : Women Research Institute
- [8] Edward Said (1983), *The Text And The Critic*, Harvard University Press
- [9] Hafiz Mubarraq Haridhi (2014) *Kontribusi Yang Diberikan Syeikh Abdur rauf As-Singkel Kepada Peradaban Islam Aceh Hingga Diangkatnya Kepemimpinan Sultanah*, tesis sarjana Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Fakultas Syariah Dan Ekonomi Islam, Darussalam, Banda Aceh.
- [10] Haji Mat Saad, *Sheikh Nuruddin Al-Raniri Dan Kitabnya Sirat Al-Mustaqqim (Satu Tinjauan Awal)* (Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Seminar Manuskrip Islam, Berakas, Brunei, 2004),
- [11] Hardi, SH (1993), *Daerah Istimewa Aceh: Latar Belakang Politik dan Masa Depannya*, Jakarta: PT. Karya Unipress.
- [12] Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur :APMUM
- [13] Ingrid Saroda Mitrasing (2011), *The Age Of Aceh And The Evolution Of Kingship 1599-1641*, Tesis Ph.D Untuk University Of Leiden
- [14] Jajat Burhanudin (2014), The Dutch Colonial Policy on Islam: Reading The Intellectual Journey Of Snouck Hurgronje, *Al-Jami'ah: Journal Of Islamic Studies*, V. 52, No. 1.
- [15] Jakobi, Tgk.A.K. (1998), *Aceh dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar sebagai Pejuang*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama
- [16] Jamalluddin Hashim (2011), *Kitab Al-Sirat Al-Mustaqqim Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab Al-Taharah Dan Al-Salah) : Teks Dan Analisis* (Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [17] Jamalluddin Hashim (2014), Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan Dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri , *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 7 Bil. 1.
- [18] Jamalluddin Hashim Dan Abdul Karim Ali (2009), “Metode Penulisan Fiqh Oleh Nur Al-Din Al-Raniri Dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqqim,” *Jurnal Syariah* 17, 2.
- [19] K. H. Siradjuddin Abbas (2006), *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi'i* (Jakarta : Pustaka Tarbiyah
- [20] Kim Keum Hyun (1995), *Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Kes Di Negeri Terengganu*, Tesis Sarjana Untuk Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- [21] M. Dien Madjid (2012), Knitting Togetherness Among The Allied Malay: Aceh-Minangkabau-The Malay Peninsula, *Tawarikh: International Journal For Historical Studies*, V. 4(1)
- [22] Mana Sikana (2014), *Teori Sastera Taabudiyyah: Sastera untuk Pengabdian*. Selangor: PTS.
- [23] Misri A. Muchsin (2007). *Potret Aceh Dalam Bingkai Sejarah*. Banda, Aceh: Ar-Raniry Press.

- [24] Mohd Akil Muhamed Ali, Sulaiman Muhammad Hasan, dan Sabri Mohamad. (2010). *Syeikh Nur Al-Din Al-Raniri: Ketokohan Dan Sumbangannya Dalam Bidang Hadith*. Seminar Serantau Ilmuan Hadith Dalam Peradaban di Alam Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- [25] Muhammad Abu Bakar (1987). *Islamisasi Dan Pembebasan Wanita*. Petikan Dlm. *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [26] Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli. (2012). Pemikiran Nur Al-Din Al-Raniri Dalam Hukum Zakat: Analisis Kitab Sirat Al-Mustaqim. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 23(1), 237–255.
- [27] Muliadi Kurdi. (2009). *Aceh Di Mata Sejarawan: Rekonstruksi Sejarah Sosial Budaya*. Banda, Aceh: LKAS.
- [28] Nur Al-Din Al-Raniri. (1054 Hijrah). *Al-Sirat Al-Mustaqim*. Dalam Abdul Karim Ali dan Jamaluddin Hashim (2008). Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh*. Vol.5. 197–215. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol5no1.9>
- [29] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2012). Gerakan Feminisme Liberalism Di Malaysia : Analisis Kritikal, Dalam *Prosiding World Congress On Islamic Systems 1- 5 December 2012*. Kota Bharu, Kelantan.
- [30] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), “Islam Dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka : Satu Analisis “, Dalam (Edit) Hashim Musa, *Emosi Melayu*, Kuala Lumpur : APMUM.
- [31] Raja Mohammed Affandi (1974), *Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agung Dalam Sejarah* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- [32] Rosemary Firth (1943), *Housekeeping Among Malay Peasants*, London: Routlege,
- [33] S.M. Naquid Al-Attas (1969), *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Ta'bid International.
- [34] Saedah Siraj (2001), *Pendidikan Rumahtangga*. Kuala Lumpur : Alam Pintar Enterprise.
- [35] Snouck Hurgronje (1985), *Aceh Di Mata Kolonialis*, Terjemahan Ng Singarimbun Daripada Buku *The Achenese*, Jakarta: Yayasan Soko Guru.
- [36] Teuku Iskandar (2007), *Aceh As A Muslim-Malay Cultural Centre (14<sup>th</sup>-19<sup>th</sup> Century)* (Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di First International Conference Of Aceh And Indian Ocean Studies, Banda Aceh, Indonesia.
- [37] William Gervase Clarence Smith (2007), Enunuchs And Concubines In The History Of Islamic Southeast Asia, *Manusya: Journal Of Humanities*, Special Issue No. 14.
- [38] Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1620-1675*, Medan: Monora.
- [39] Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah. (2003), Emansipasi Wanita Di Abad Tidaktidaki: Islam Sebagai Model Perjuangan”, *Multaqa Ulama Sedunia*, Anjuran Yadim, Di Putrajaya Pada 10-12hb. Julai 2003.
- [40] Zeenath Kausar. (2001). *Feminist Sexual Politics and Family Deconstruction: An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.